

**Article Info:**

Received Date: 08 December 2020

Accepted Date: 30 December 2020

Published Date: 31 December 2020

Corresponding Author: gregory\_kiyai@yahoo.com

## **Ngajat Iban: Satu penelitian budaya**

*Ngajat Iban: A Cultural Study*

**Gregory Kiyai @ Keai<sup>1</sup>**

**Noria Tugang<sup>2</sup>**

**Olivia Seer<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak

**To cite this article (APA):** Kiyai @ Keai, G., Tugang, N., & Seer, O. (2020). Ngajat Iban: A Cultural Study. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 70-83.  
<https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.6.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.6.2020>

### **ABSTRAK**

Tarian *Ngajat* merupakan sebuah tarian tradisional yang sangat sinonim dengan masyarakat Iban di Sarawak. Selalunya tarian ini akan dipersembahkan apabila berlangsungnya sesebuah keramaian seperti sambutan *Gawai Dayak* dan majlis perkahwinan. Tujuannya adalah untuk menghibur dan mengucapkan rasa penghargaan kepada tetamu yang datang berkunjung. Dalam budaya Iban tarian *Ngajat* dapat dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan kepada *gender* iaitu *Ngajat Indu* (tarian wanita) dan *Ngajat Laki* (tarian lelaki). Selain itu, Tarian *Ngajat* mempunyai makna yang signifikan dan sakral dalam budaya Iban bergantung dengan upacara dan ritual yang dijalankan oleh masyarakat tersebut. Oleh itu penyelidikan ini adalah bersifat etnografi yang memfokuskan kepada kebudayaan tidak ketara masyarakat Iban iaitu *Ngajat Iban*. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu *exploratory research* dan *exploring a concept of phenomena* dengan melakukan kerja lapangan dan temubual bersama-sama dengan informan pakar dalam budaya Iban. Lokasi penyelidikan ini adalah dilakukan di Betong dan Sri Aman yang merupakan penempatan terbesar masyarakat Iban di Sarawak. Dapatan penyelidikan mendapati bahawa tarian *Ngajat* masih mendapat tempat dan adanya usaha untuk melestarikan tarian tradisional ini di masa hadapan agar tidak pupus di telan zaman.

**Kata Kunci:** Budaya Sarawak, Iban, tarian, Ngajat, seni persembahan, warisan

### **ABSTRACT**

*The Ngajat is a traditional dance which synonym with the ethnic of Iban in Sarawak. This dance is usually performed in festive such as the Gawai Dayak and matrimony. The purpose of the dance is to entertain and showing gratitude for the attended guest. In Iban's culture, the Ngajat dance can be divided in two categories by referring to gender, which are Ngajat Indu (Female's dance) and Ngajat Laki (Male's dance). Other than that, the Ngajat dance have significant meaning and sacred in the Iban's culture depending on the ritual performed by the ethnic itself. Therefore, this is an ethnography study emphasized on the intangible culture of the Iban's Ngajat. This study applied the qualitative method of exploratory research and exploring a concept of phenomena through conducting field work and interview with an expert in the Iban's culture. The studies sites are located in Betong and Sri Aman which have the largest Iban's settlement in Sarawak. The studies find the Ngajat dance still widely practised and there is an effort to conserve the traditional dance to prevent it from extinction.*

**Keywords:** Sarawak Culture, Iban, performance, Ngajat, arts performance, heritage

## **PENGENALAN**

Umumnya, budaya manusia adalah terhasil daripada daya intelektual, pengalaman, pandangan manusia melihat kehidupan, kepercayaan terhadap alam sekeliling dan adaptasi mereka dalam menjalani sosial budaya. Elemen-elemen ini secara tidak langsung telah membentuk amalan dan cara hidup sesebuah komuniti atau individu dalam membentuk identiti dan jati diri mereka. Tujuan pembentukan identiti dan jati diri tersebut adalah bagi membezakan diri mereka daripada kelompok masyarakat yang lainnya. Perkara ini telah membuatkan kebudayaan dalam masyarakat tersebut terus hidup dan berkembang dengan maju lalu diwarisi selama generasi ke generasi yang lainnya. Yakini bahawa, budaya manusia adalah terbahagi kepada dua elemen iaitu budaya ketara dan tidak ketara. Kedua-dua elemen ini mempunyai perkaitan yang signifikan dalam menjadikan kebudayaan tersebut progresif dan tidak statik. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, mereka memiliki kebudayaan yang rencam dan progresif, hasil daripada warisan nenek moyang dan telah wujud sejak dahulu lagi. Salah satu kebudayaan yang hidup dalam budaya Iban adalah tarian. Masyarakat Iban dikenali dengan tarian *Ngajat* yang mempunyai visual yang lembut dan gemalai bagi penari perempuannya, manakala tarian lelakinya dikenali dengan ketangkasan dan keberanian layaknya seorang pahlawan perang. Penyelidikan ini adalah memfokuskan kepada tarian *Ngajat Iban* melalui penelitian budaya dalam mengambil kira kepercayaan, nilai sosial dan estetika masyarakat tersebut dalam membangun dan membentuk identiti diri mereka sebagai kumpulan Dayak Iban.

### **Definisi Seni Persembahan**

Menurut Mohd Kipli Abdul Rahman (2010), aktiviti seni persembahan mungkin merupakan sesuatu yang asing kerana istilah persembahan itu sendiri sukar untuk diterjemahkan secara mutlak ke dalam Bahasa Melayu. Walaupun begitu, secara etimologi seni persembahan merujuk kepada pertunjukan, persembahan, perbuatan daya guna, prestasi, hasil dan permainan. Manakala berdasarkan kepada Schechner, Richard (2002), menyatakan bahawa semua aktiviti sosial yang dilakukan meliputi amalan kehidupan seharian, kesenian, sukan, hiburan umum, teknologi, ritual tradisional (yang berhubung dengan kepercayaan agama dan tradisi) mahupun persembahan atau pertunjukan (teater, tari, muzik). Perihal ini merangkumi sejumlah besar aktiviti seni terutamanya tarian tradisional kerana pembentukan tarian tradisional adalah diwarisi secara turun temurun dan mengikut cerita rakyat khususnya dalam menyampaikan sebuah cerita melalui tarian.

### **Definisi Tarian**

Menurut Sandi (2018) berpendapat bahawa tarian merupakan sebuah aktiviti memandang dan meneliti gerak-geri, lenggang liuk daun kayu dan sebagainya, menurut kudrat dan bakat yang ada padanya dan manusia mencipta tarian sebagai hasrat jiwanya. Keberhasilan dalam mencipta sesebuah tarian, setiap juru tari tidak mencipta tarian mengikut gerak hati mereka namun mereka mencipta tarian mengikut sejarah dan cerita dalam lagu yang ingin disampaikan oleh seseorang penari. Oleh itu, elemen tubuh merupakan aset paling penting kerana setiap gerak tari yang lemah gemalai akan menentukan keberkesanan persembahan tarian tersebut kepada penonton atau penghayat seni. Pendapat ini turut disokong oleh Mohd Ghouse Nasuruddin (2000) yang menyatakan bahawa tarian ialah sejenis komunikasi non-verbal yang bersifat sejagat yang diperlihatkan ciri-ciri kebudayaan sesebuah masyarakat iaitu nilai-nilai, norma-norma, emosi dan pembawaan atau tingkah laku. Ia merupakan sebahagian daripada apa-apa jua bentuk masyarakat yang dipamerkan sama ada agama atau kepercayaan atau kedua-duanya bergantung pada sifat masyarakat tersebut.

Menurut Mansyur (2016) tarian merupakan salah satu cabang seni yang mendapat perhatian yang besar dalam kebudayaan sesebuah masyarakat. Tarian dapat diekspresasi melalui emosi, pergerakan dan estetika yang mampu menjadi medium komunikasi tanpa bicara dengan penonton. Melalui cara tersebut, maka sebuah jalinan komunikasi sosial dapat dirasakan secara nyata dalam situasi yang selesa di antara penari dan penonton. Selain itu berdasarkan Robby Hidajat (2001:15) mengatakan bahawa tarian tradisional tumbuh secara turun temurun dalam kebudayaan sesebuah etnik masyarakat

yang disebut sebagai Folkdance. Beliau meyakini bahawa tarian tradisional memiliki tiga fungsi utama iaitu sebagai upacara adat, sebagai medium dalam mengungkapkan emosi jiwa manusia seperti gembira, sedih dan marah dan terakhir adalah sebagai sebuah karya seni untuk tontonan umum.

## PERBINCANGAN LEPAS

### Masyarakat Iban

Masyarakat Iban merupakan suku kaum terbesar yang terdapat di Sarawak dan diikuti kaum Cina, Melayu, Bidayuh dan kaum-kaum lain. Kedatangan kaum Iban ke Sarawak bermula pada pertengahan abad ke-16 iaitu pada tahun 1540 sehingga tahun 1800 iaitu setara dengan kedatangan para kolonial barat ke Asia Tenggara (Usop, 2006: Liman et al, 2019). Kewujudan Masyarakat Iban sebagai cabang etnik pribumi awal dan tertua yang wujud di Pulau Borneo dikenalpasti berdasarkan kepada penyelidikan genetik Simonson, et.al (2011) mengatakan migrasi awal manusia melintasi laluan darat *Sundaland* yang menghubungkan daratan Asia Tenggara telah berlaku kira-kira 45, 000 sehingga 50, 000 tahun yang lalu. Bukti persampelan genetik mencadangkan bahawa teori yang mengatakan bahawa masyarakat Austronesia berasal dari selatan Taiwan adalah sangat rendah. Penyelidikan terbaru menunjukkan berdasarkan kepada analisis DNA telah menyimpulkan bahawa migrasi dari daratan Asia Tenggara hanya berlaku dalam jajaran yang sama. Diramalkan bahawa beberapa garis keturunan yang dikaitkan dengan migrasi prasejarah zaman ais batu terakhir telah mewujudkan satu gelombang penghijrahan iaitu melalui garisan pantai SEA (*South East Asia*). Masyarakat Iban dipercayai antara yang terlibat dalam migrasi awal tersebut berdasarkan kepada penemuan fosil manusia pramitif yang telah digali berdekatan dengan penempatan moden rumah panjang masyarakat di Gua Niah meyakini bahawa masyarakat Iban telah wujud sekitar period tersebut.

Menurut Appell (2001) keunikan dan kepentingan budaya masyarakat Iban dalam penelitian etnografi etnik di Borneo telah diperhatikan semasa zaman penjajahan kolonial dan berlarutan sehingga kini. Masyarakat Iban digambarkan sebagai etnik yang berani, optimis, hidup dalam keadaan berkelompok dan mempunyai sistem pentadbiran sosial secara tradisional serta agresif. Pekara ini telah dijelaskan oleh Sandin dan Sather (1994) mengatakan bahawa masyarakat Iban merupakan etnik pribumi yang paling agresif dari semua penduduk pribumi di Borneo. Mereka dianggap sebagai etnik yang kuat, yakin diri dan selalu berperang dengan satu sama lain atau dengan etnik lain dalam meluaskan kuasa dan mencari kawasan penempatan. Masyarakat Iban dilihat sebagai etnik pribumi yang bersifat homogen (sejenis sahaja) iaitu tidak ada suku-suku tertentu kecuali dibezakan mengikut batang sungai yang menjadi penempatan mereka. Masyarakat Iban adalah merupakan etnik yang dipercayai menggunakan bahasa yang sama dan mewarisi nilai, tradisi, kepercayaan, adat resam serta kebudayaan yang sama (Beginda, & Bala, 2018: Baring-Gould & Bampfylde, 1909).

### Kebudayaan Masyarakat Iban

Umumnya, warisan budaya boleh ditarifikan sebagai warisan ketara, tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzium warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semulajadi (Gerard, 2005: Yazid et al, 2017). Dalam Kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu budaya benda dan bukan benda. Budaya benda adalah merujuk kepada objek yang dihasilkan oleh masyarakat Iban seperti *pua kumbu*, anyaman tikar, senjata perang dan ukiran. Budaya benda milik masyarakat Iban adalah merangkumi warisan dan pusaka. Warisan adalah merujuk kepada budaya yang diwarisi secara turun temurun oleh masyarakat Iban, manakala pusaka adalah merupakan harta yang diperolehi dan diwariskan dalam garis keturunan keluarga sahaja seperti seramik, aksesori perak, dan objek tembaga (Kiyai & Tugang, 2020).

Selain itu, kebudayaan bukan benda iaitu warisan tidak ketara masyarakat Iban adalah merangkumi aspek bahasa, adat istiadat, tradisi lisan, makanan warisan dan kearifan tempatan. Menurut Usop (2011) warisan tidak ketara Iban atau dikategorikan sebagai *main asal Iban* terutamanya *leka main* (kesusasteraan Iban) dapat dibahagikan kepada dua iaitu ‘Sekular’ dan ‘Sakral’. Kebudayaan sekular adalah merupakan pertuturan atau adat yang dilakukan oleh masyarakat Iban secara harian dalam bersosialisasi tanpa terikat dengan pantang larang dan kepercayaan ghaib, manakala kebudayaan sakral adalah melibatkan kesenian dan kesusasteraan Iban dalam upacara ritual dan adat istiadat yang tinggi dalam budaya Iban seperti *Upacara Miring* (memberi persembahan makanan), *Begawai* (pesta) dan Adat Kematian.

Masyarakat Iban menjadikan penanaman padi sebagai sumber ekonomi utama pada zaman dahulu sehingga kini (Durin, 2002: Tugang, 2014). Ini kerana, tanaman padi merupakan makanan ruji masyarakat Iban. Hasil tuaian yang diperolehi secara berterusan adalah penting sebagai sumber kelangsungan hidup dan sumber komoditi untuk sistem perdagangan mereka (Meliki & Lovadi, 2013). Selain itu, penanaman padi dalam budaya Iban telah mempengaruhi kepercayaan masyarakat Iban terhadap alam sekitar. Menurut Karla Armbruster (2001:4) alam sekitar tidak hanya merujuk kepada persekitaran semula jadi atau kawasan belantara. Alam sekitar termasuklah landskap yang dibina dan ditanam, elemen semulajadi dan aspek-aspek landskap tersebut, serta interaksi budaya dengan elemen-elemen semula jadi. Oleh itu, secara dominannya kebudayaan yang diwarisi serta dibangunkan dalam budaya Iban mempunyai perkaitan yang rapat dengan alam sekitar sehingga membentuk kepercayaan mereka terhadap *Petara*, *semengat* dan *antu* (Soda, 2001).

### **Ngajat Iban**

Perkataan *Ngajat* dalam Bahasa Iban adalah membawa maskud “menari” (Wahed et al, 2018). Budaya *Ngajat* telah diamalkan dan diwarisi oleh masyarakat Iban sejak dahulu lagi sebagai sebuah seni persembahan yang digunakan dalam amalan ritual, keramaian dan perang. Menurut Liam & Osup (2020) Asal-usul *Ngajat* dapat diteliti berdasarkan kepada kesusasteraan lama Iban, bahawa mitos tarian *ngajat* ini dimulakan oleh roh hantu yang digelar *Ulup Batu Lichin* dan *Bujang Indang Lengain* yang mengajar masyarakat Iban dalam menarikan *Ngajat Iban* (Kiyai, 2019). Walaupun terdapat pelbagai jenis tarian *ngajat* namun masyarakat Iban lebih cenderung dan fokus pada tiga tarian *ngajat* utama iaitu *ajat bunuh*, *ajat semain* dan *ajat manggung lesung*. Yakini bahawa, *Ngajat Iban* tidak hanya ditarikan dalam kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak sahaja bahkan turut diamalkan dalam budaya masyarakat Iban di Kalimantan. Contohnya seperti *Ngajat Lesung* yang hanya ditarikan oleh penari lelaki Iban sahaja sebagai satu bentuk hiburan serta menunjukkan ketangkasan seorang lelaki selesai habis peperangan (Violeta et al, 2017).

Menurut Osup et al, (2011) menyatakan *Ngajat Iban* adalah disebut sebagai *main asal* yang digunakan sebagai medium sosial dan upacara. Umumnya, masyarakat Iban yang menjalankan amalan tradisi mereka terutama sekali pada hari *gawai* beranggapan bahawa *main asal* ini digunakan untuk menyenangkan hati *Petara* dan roh. Mereka juga percaya bahawa *petara* dan roh si mati ada bersama mereka semasa sambutan *gawai* yang datang sebagai *Pengabang* (tetamu) untuk berkunjung melawat keluarga dan sanak saudara di rumah panjang. Selain itu, dalam melengkapkan tarian *Ngajat*, muzik yang disebut sebagai *taboh* akan dimainkan untuk memberikan rasa dan mencetuskan perasaan gembira dalam kalangan manusia dan alam ghaib (Jawol et al, 2018). Muzik *taboh* ini selalunya akan dimainkan atau dipersembahkan semasa adanya keramaian seperti perkahwinan. Antara alatan muzik yang digunakan adalah seperti *tawak*, *bebendai*, *engkerumung* serta gendang. Kenyataan berkaitan dengan tarian *Ngajat* turut dijelaskan oleh Linggi (2001) menyatakan bahawa tarian *ngajat* ini bukan hanya dipersembahkan pada musim perayaan *Gawai* namun turut dipersembahkan apabila adanya ritual atau upacara-upacara tertentu (Jelani et al, 2018). Pakaian tradisional Iban yang lengkap untuk menarikan tarian *ngajat* adalah disebut sebagai *Ngepan Iban*. Bagi golongan wanita, pakaian *ngepan* akan digunakan dengan lengkap termasuk dengan aksesori iaitu *Kain Tating*, *Rawai Pirak*, *Tunggu*, *Lampit Pirak* dan *Sugu Tinggi* (Kiyai & Tugang, 2020). Manakala golongan lelaki pula, *baju burung*, *kain sirat* dan *Dandong* merupakan pakaian utama yang digunakan. Pakaian ini turut dilengkapi dengan aksesori seperti *parang ilang*, *topi* dan *sangkuh sumpit*.

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan Ini adalah merupakan sebuah kajian etnografi yang memfokuskan tarian tradisional masyarakat Iban iaitu Ngajat Iban. Secara amnya, kajian etnografi adalah merupakan satu penelitan ilmiah dalam menerangkan, menganalisa dan menginterpretasi bentuk kebudayaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan manusia seperti tingkah-laku, linguistik, kepercayaan dan amalan, struktur sosial, ekonomi, interaksi budaya dan kehidupan (Hanson & Creswell, 2005). Oleh itu, kaedah penyelidikan ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu mengumpul data dengan melakukan kerja lapangan, pendokumentasian dan menemubual informan berdasarkan kepada pendekatan ilmu sejarah dan antropologi.

Kerja lapangan adalah merupakan sebuah kaedah pemerhatian dan penglibatan secara langsung dengan komuniti untuk memahami dan memerhati secara tinjauan kebudayaan dan cara hidup mereka. Dalam penyelidikan ini, kerja lapangan telah dilakukan secara berfasa, bermula dari Januari 2016 sehingga Januari 2017 iaitu selama satu tahun untuk menjejaki tiga buah kawasan penempatan rumah panjang Iban iaitu di Betong dan di Sri Aman. Pemilihan lokasi penyelidikan ini adalah sebagai satu kaedah untuk melihat variasi dan kepelbagaian data dalam kebudayaan warisan tidak ketara *Ngajat Iban* dan kawasan tersebut merupakan penempatan terbesar kaum Iban di Sarawak. Menurut Kamarul Jasmi (2012) kaedah pemerhatian melalui penglibatan berasal dari bidang antropologi, iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat. Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Alasan penggunaan teknik pemerhatian penglibatan ke lapangan iaitu pemerhatian memungkinkan pengkaji untuk melihat, merasakan, dan memaknai dunia beserta ragam peristiwa dan gejala sosial dalamnya, sebagaimana subjek pengkajian melihat, merasakan, dan memaknainya dan pemerhatian memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek pengkajiannya (intersubjektiviti).

Kaedah pengumpulan data yang terakhir adalah temubual. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan telah dibahagikan kepada dua sasaran. Golongan sasar yang pertama adalah menggunakan kaedah temubual secara berfokus (focus group interview). Di mana penyelidik telah menemubual kumpulan informan yang tinggal dan hidup di rumah panjang berkaitan dengan sejarah, pantang larang dan fungsi *Ngajat Iban* dalam masyarakat Iban. Golongan sasar yang kedua adalah masyarakat Iban yang mempunyai kepakaran dan mahir dalam budaya Iban. Di mana, informan tersebut telah ditemubual (in-depth interview) berdasarkan kepada kemahiran dan pengetahuan mereka secara terperinci mengenai adat, mitos dan kearifan tempatan. Kaedah pengumpulan yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan teknik kolektif memori iaitu sebuah teknik mengumpul semula memori yang pernah dilakukan, diceritakan dan diwarisi kepada informan semasa kecil atau ketika dewasa. Ingatan tersebut telah disusun dan diinterpretasi menjadi data primer yang membantu menyokong kepada dapatan penyelidikan ini.

## DAPATAN PENYELIDIKAN

Kebudayaan dan warisan yang terdapat dalam budaya Iban kini adalah dipercayai diwariskan oleh *Petara* (tuhan) kepada masyarakat Iban semasa manusia dan *Petara* (tuhan) masih tinggal bersama-sama di sebuah penempatan lagenda yang dinamakan sebagai *Tembawai Tampun Juah*. Menurut informan Datuk Seri Edmond Langgu, melalui tradisi lisan yang diwariskan serta diturunkan selama beberapa generasi percaya bahawa kewujudan dan asal usul masyarakat Iban adalah bermula di sebuah tempat yang disebut sebagai *Tampun Juah* iaitu peradaban Dayak yang gah terletak di daerah Sanggau, Kalimantan Barat. Mereka meyakini bahawa nenek moyang mereka dahulu pernah hidup aman dan damai bersama dengan *Urang Panggau* (orang kayangan) dan *Petara* (tuhan) sebelum berlakunya konflik yang akhirnya menyebabkan manusia berpisah dengan tuhan. Perpisahan tersebut telah menyaksikan migrasi awal masyarakat Iban ke seluruh pelusuk Negeri Sarawak lalu membentuk kebudayaan dan identiti tersendiri.

Menurut informan *Lemambang* Bachaw Undan mengatakan semasa berpisah dengan masyarakat Iban, *Petara* (tuhan) dan *Urang Panggau* (orang kayangan) telah meninggalkan beberapa tanda dan pesan agar suatu hari masyarakat Iban akan kembali dan menetap semula di *Tampun Juah*. Tanda-tanda yang ditinggalkan oleh *Petara* (tuhan) adalah merangkumi tinggalan objek budaya seperti patung berukir yang disebut Pentik, “Kayu tangga Tebelian” dan “Gerbang Pintu Kayu Tebelian”. Menurut informan *Lemambang* Ijau Buja semasa perpisahan dengan masyarakat Iban, *Petara* (tuhan) telah meninggalkan pesan kepada masyarakat Iban *Petara* (tuhan) melalui Temenggung Simpi iaitu “*ti kita beguna ka kami, kita mesti begendang rayah, bepiring ading, bebunuh ka manuk, bepasuk ka ngepan Iban lalu nabur ke berau kuning. Ti kita nadai berpiring ading enda kami ulih datai*”. (Jikalau kamu (merujuk kepada orang Iban) ingin meminta pertolongan daripada *Petara* maka kamu haruslah bergendang, menyediakan persembahan makanan, mengkorbankan darah ayam, mengharuskan memakai pakaian tradisional Iban dan menaburkan beras kuning. Jikalau kamu tidak menyediakan keperluan diatas, maka kami di *Panggau Libau* tidak dapat datang untuk membantu). Pukulan *Gendang Rayah* (sejenis muzik Iban) adalah bagi tujuan untuk memberi perkhabaran kepada *Urang Panggau* (orang kayangan) untuk datang menjenguk ke dunia manusia. Bermula dari detik tersebut, masyarakat Iban telah menjadikan pesanan tersebut sebagai satu warisan dan diturunkan selama generasi ke generasi termasuklah *Ngajat Iban*.

### ***Ngajat Iban* dalam status sosial**

Menurut informan Roslind Ginjah, dalam *Ngajat Iban*, tarian tersebut telah dibezakan kepada gender iaitu *Ngajat Indu* dan *Ngajat Laki*. Kedua-dua *ajat* ini mempunyai pergerakan dan pola tari yang berbeza iaitu lembut dan gemalai bagi penari perempuan dan agresif serta tangkas bagi *ajat laki*. Bagi wanita Iban, *ngajat Indu* merupakan tarian yang dipersembahkan oleh kaum perempuan terutama yang tinggal di rumah panjang. Seperti yang diketahui, aktiviti kaum wanita di rumah panjang adalah bersifat *feminine* dan penuh dengan tatasusila kewanitaan. Setiap perilaku mereka adalah berasaskan aktiviti harian mereka seperti bertenun, bertani dan menganyam di rumah panjang. Bagi wanita Iban yang mempunyai taraf kemahiran yang tinggi dalam bertenun dan menganyam akan diangkat status sosialnya sebagai *Indu takar* iaitu merupakan gelaran tertinggi dalam status sosial wanita di rumah panjang. Gelaran *indu takar* adalah standing dengan *Bujang Berani* iaitu merujuk kepada kaum lelaki yang gagah dalam memburu kepala.

**Gambar 1:** *Ngajat Indu* (Sumber: Suara Sarawak, 2018)



Terdapat beberapa jenis tarian *ngajat* untuk wanita Iban, antaranya ialah *Ajat Niti Papan*, *Ajat Indu*, *Ajat Kumang Nurun Mandi*, *Ajat Ngelalu Temuai*, *Ajat Atas Capak*. Signifikan *Ngajat* ini adalah sebagai tanda dan simbolik dalam mengalukan kedatangan tetamu ke rumah panjang atau sesuatu majlis. Kebiasaannya tarian *ngajat* ini akan dipersembahkan di depan rumah panjang atau di simpang jalan serta di dalam rumah untuk mengiringi tetamu yang masuk. Persembahan ini dipersembahkan sebagai tanda hormat penghuni rumah panjang terhadap tetamu yang datang. Bagi masyarakat Iban, menerima kunjungan tetamu ke rumah panjang adalah satu kehormatan dan harus diberi layanan yang sebaik mungkin. Mereka percaya bahawa semasa menerima kunjungan dari tetamu, semangat *Petara*

(tuhan) dan para dewa dewi Iban yang lain turut berkunjung sama ke rumah panjang untuk menyebarkan keberkatan dan kemurahan rezeki. Menurut informan Salimah Aning mengatakan setiap tetamu yang hadir atau berkunjung ke rumah panjang haruslah dibentangkan anyaman *tikai* (tikar) sebagai tanda penduduk di rumah panjang menerima dan menyambut kehadiran mereka dengan mesra. Selalunya masyarakat Iban akan membentangkan *tikai bebuah* (anyaman tikar bermotif) atau *tikai lampit* (tikar rotan) kepada para tetamu.

Selain itu, tarian *Ngajat Indu* secara dominannya dipengaruhi oleh Dewi Kumang iaitu seorang dewi yang sangat cantik dan mahir dalam menenun *Pua*. Menurut informan Maria Liban, Dewi Kumang menurut kesusasteraan Iban merupakan seorang gadis yang sangat cantik berasal dari dunia ghaib iaitu *Gelong Batu Nakong*. Kecantikannya ibarat bidadari telah membuatkan Keling (Dewa Iban) jatuh hati lalu menjadikan Kumang sebagai isterinya dan membawanya hidup ke alam kayangan yang digelar sebagai *Panggau Libau Ke Di Gela Lendat Di Biau Jila Isang*. Masyarakat Iban percaya bahawa Dewi Kumang selalu menghadirkan diri dalam mimpi mereka untuk membantu dan memberikan perintah terutamanya dalam menghasilkan kain tenun yang cantik dan berkualiti tinggi. Oleh itu, *Ajat Kumang Nurun Mandi* merupakan tari yang diinspirasi dari jerita tuai (cerita lisan) mengenai Dewi Kumang yang turun mandi bersama-sama kawannya iaitu *Lulong* dan *Indai Abang*. Gerak tari *Ajat Kumang Nurun Mandi* akan dipersembahkan dengan alunan muzik yang perlahan dan gerak-geri badan yang lemah lembut seperti *mengauk* (menangguk) air sebagai simbol Kumang yang sedang bergurau senda dengan awan-kawannya di sungai. Lazimnya, *Ajat* ini dipersembahkan secara berkumpulan dan mengikut gerak yang sama seiring dengan bunyi taboh (*muzik ngajat*).

Menurut informan Lada Ukar, dahulu apabila anak gadis Iban mula meningkat dewasa, mereka akan digalakkan untuk mempelajari tarian ngajat, bertenun dan menganyam. Bahkan apabila umur anak perempuan sudah mencapai usia 10 tahun, mereka akan didedahkan dengan asas menenun dan menganyam. Tujuannya adalah sebagai persediaan untuk mencari calon suami yang baik dan sesuai. Seseorang gadis Iban yang memiliki kepakaran dalam menenun dan menganyam akan menjadi rebutan lelaki. Selalunya, urusan jodoh anak-anak akan ditentukan oleh orang tua. Ibu bapa Iban mempunyai kriteria yang khusus dalam memilih menantu mereka sebagai usaha dalam menentukan garis keturunan yang baik-baik sahaja. Menurut informan Chermali Iri, dahulu perkahwinan harus terjadi dengan sesama bangsa Iban sahaja. Bagi lelaki atau perempuan yang berkahwin dengan bangsa lain selain daripada bangsa Iban akan diumpat dan dikeji "*kasih enda tetemu ke Iban*" (kasihan, tidak mampu untuk mencari bangsa Iban untuk dijadikan isteri atau suami). Kini, seiring dengan perkembangan dunia masyarakat Iban lebih terbuka dalam menerima bangsa lain sebagai jodoh anak mereka, bahkan perkahwinan campur telah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat Iban di Sarawak. Lazimnya, calon-calon menantu yang dipilih oleh keluarga Iban haruslah memiliki rupa paras yang cantik, mahir dalam bertenun dan menganyam, rajin, sihat tubuh badan dan bijak. Mereka percaya bahawa genetik tersebut mampu diturunkan kepada bakal anak dan cucu mereka kelak.

Menurut informan Kiyai Uri, bagi kaum lelaki Iban gerak geri tarian *Ajat Laki* banyak diinspirasi daripada cerita lisan mengenai Dewa Iban seperti Keling, Laja dan Bungai Nuing. Mereka ini dipercayai sebagai respentasi imej pahlawan Iban yang gagah, berani dan tangkas dalam menewaskan musuh mereka. *Ngajat* lelaki Iban selalunya sinonim dengan *Ajat bebunuh* dan *Ajat Lesung*. *Ngajat Bebunuh* adalah diinspirasi daripada kebudayaan *Adat Ngayau Iban* iaitu ekspedisi memburu kepala musuh. Dahulu, masyarakat Iban melakukan *Adat Ngayau* adalah sebagai tanda keselamatan bagi mengelakan diri mereka daripada diserang oleh etnik lain. Selain itu, *antu pala* (kepala musuh yang disalai) dipercayai dapat menjaga rumah panjang daripada bencana serta ilmu hitam yang boleh mengugat kerharmonian rumah panjang serta untuk memenuhi tuntutan hadiah yang bakal dipersembahkan kepada bakal pengantin perempuan sebagai simbol keperkasaan dan berani. Gerak geri tari *Ajat Bebunuh* amat tangkas dan agresif. Penari lelaki akan mengeluarkan bunyi yang nyaring untuk meningkatkan semangat dan moraliti penarinya agar terus berani dan tanpa rasa gentar dalam menghadapi musuh. Pola tari yang dapat diperhatikan dalam *ajat bebunuh* adalah diolah dari teknik bersembunyi dari musuh dan pergerakannya yang sangat perlahan bagi meniru aksi mereka mengintai musuh di dalam hutan. Pergerakan tari yang perlahan-lahan sambil memandang kiri dan

kanan adalah sebagai lambang langkah berwaspada akan serangan hendap musuh. Penari akan mengibas-ngibas parang sebagai tanda bahawa mereka bersedia untuk berperang.


Selain itu, *ajat lesung* (menari mengigit lesung kayu) turut ditarikan oleh lelaki Iban. *Ajat* ini bertujuan untuk memperlihatkan kegagahan lelaki Iban yang ingin beradu tenaga dalam melawan musuhnya. Dalam menarikan *Ngajat* ini, penari harus mempunyai kemahiran khas untuk menarikan tarian ini untuk mengigit lesung dengan menggunakan gigi dan sentiasa berhati-hati dalam mengolah gerak gaya tari bagi memastikan lesung tersebut tidak jatuh. Menurut informan Jimbun Tawai, lesung yang digunakan dalam *Ngajat* ini tidak boleh dipijak atau dilangkah kerana akan menyebabkan *Mali* (tulah) iaitu *Mali Enda Ampit*. (Sebuah kepercayaan pantang larang yang akan menyebabkan masyarakat Iban tidak akan mendapatkan rezeki dalam menanam padi, menangkap ikan dan sebagainya).

Menurut informan Richard Mauh, gerak tari *ngajat* Iban datang dalam pelbagai pola pergerakan. Para penari akan memainkan karakter yang berlainan, kostum dan muzik bergantung kepada keperluan perayaan yang diraikan. Menurut Henry Gana Ngadi (2001) Muzik tradisional dan alat muzik yang digunakan untuk tarian *ngajat* Iban ini terhasil daripada ritual *ngayau* semasa zaman dahulu. Di mana, *Ngajat Iban* berupaya untuk meningkatkan moraliti dan spiritual pahlawan yang akan turun berperang. Selain itu, kelembutan dalam gerak tari semasa menarikan *Ngajat Iban* adalah di inspirasikan daripada pergerakan burung kenyalang yang signifikan dalam budaya Iban. Selain itu, setiap bunyi *tabuh* atau rima muzik *Ngajat* adalah berbeza-beza mengikut kawasan penempatan masyarakat Iban. Contohnya, di Saribas, alunan muzik *tabuh* mereka lebih perlahan berbanding muzik *tabuh* orang Sri Aman yang laju dan kencang. Pekara ini adalah dipengaruhi oleh *batang ai* (penempatan) yang menjadi habitat mereka untuk hidup dan berkembang biak.

### Signifikan Ngajat dalam Budaya Iban

Kebudayaan yang diwarisi dan menjadi identiti masyarakat Iban di Sarawak adalah berkait rapat dengan *Pengarap Lama* (kepercayaan nenek moyang) yang percaya dengan *semengat* (roh), Petara (tuhan) alam ghaib, alam sekeliling dan alam kematian (*Sebayan*). Oleh itu, tarian *Ngajat* Iban dapat dikenalpasti fungsinya iaitu secara sakral dan sekular dalam budaya Iban di Sarawak. Umumnya, setiap tarian *ngajat* yang dipersembahkan mempunyai makna yang signifikan dalam kebudayaan Iban bergantung dengan upacara dan ritual yang dilakukan di rumah panjang. Signifikan *Ngajat* dalam budaya Iban dapat dikategorikan kepada beberapa jenis fungsinya seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.

**Rajah 1:** Signifikan *Ngajat* dalam budaya Iban (Diubahsuai daripada temubual informan, 2017)



#### *Naku Antu Pala*

Para pahlawan Iban yang berjaya membawa balik kepala musuh ke rumah panjang akan disambut sebagai *Bujang Berani*. Apabila tibanya dari ekspedisi *Ngayau*, pahlawan Iban akan berteriak sekuat-kuatnya di pintu rumah bagi menandakan mereka sudah sampai membawa *antu pala* sebagai simbol kemenangan. Kepulangan tersebut akan disambut dengan pukulan gong secara bertalu-talu bagi



memaklumkan seluruh penduduk di rumah panjang, berita akan kemenangan tersebut. *Antu pala* (kepala manusia) yang dibawa balik akan disambut oleh anak gadis yang dipilih oleh keluarga pahlawan sebagai calon isteri dengan menggunakan pinggan seramik dan dialas dengan *Pua Kumbu* yang mempunyai motif *Lebur Api* dan *Bali Belumpung*. Oleh itu, sebuah upacara adat iaitu *Naku Antu Pala* akan diadakan bagi merayakan kemenangan dan kepala musuh tersebut. Upacara tersebut akan menyaksikan pahlawan Iban yang telah menang dalam peperangan merayakan kemenangan tersebut dengan mempersembahkan *Ajat Bebunuh* sambil membawa kepala yang diperolehinya di sepanjang rumah panjang untuk dipertontonkan kepada masyarakat Iban yang lain sebelum di salai di atas para. Akhir upacara *Naku Antu Pala* akan dilakukan upacara *Mangka Ka Selaing* iaitu sebagai tanda kesyukuran atas keberkatan dan perlindungan daripada *Petara* (tuhan) semasa ekspedisi *Ngayau* dilakukan.

### **Begawai**

Menurut informan Roslind Ginjah, masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan sangat berpegang teguh terhadap kuasa-kuasa luar biasa di alam ghaib dan alam nyata. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis *gawai* (pesta) yang diadakan sebagai tanda kesyukuran dan memohon keberkatan daripada *Petara* (tuhan) dan Sengalang Burung (Dewa Perang Iban). Namun *Gawai* yang paling dominan dalam kebudayaan Iban adalah seperti *Gawai Batu*, *Gawai Antu*, *Gawai Kenyalang* dan *Gawai Kelingkang*. Contohnya, semasa *Gawai Batu*, masyarakat Iban akan mengadakan sebuah upacara khusus kepada *Sempulang Gana* iaitu Dewa Pertanian untuk memberkati peralatan seperti *uyut* (bakul), *sabit*, *duku* (parang) dan *penugal* (peralatan untuk menanam padi). Selesai musim menuai padi, masyarakat Iban akan mengadakan sebuah pesta sebagai tanda kesyukuran atas hasil tuaian padi yang diperolehi pada tahun tersebut. Menurut informan Biah Ngang, masyarakat Iban percaya roh masyarakat Iban yang sudah mati akan menjadi titis embun, kemudian titis embun tersebut akan membasahi padi. Sekiranya padi yang diperolehi pada tahun tersebut subur dan banyak hasilnya maka padi tersebut telah dibasahi oleh roh masyarakat Iban yang baik semasa hidupnya, namun sekiranya padi yang dituai sakit dan tidak menjadi maka roh yang tidak baik telah membasahi biji padi tersebut. dalam menyatakan rasa syukur mereka kepada *Petara* dan *Sempulang Gana*, tarian *ngajat* akan dipersembahkan untuk menzahirkan rasa gembira dan bersyukur masyarakat Iban kepada kepada hasil tuaian yang banyak. Sepanjang upacara *gawai* tersebut, masyarakat Iban akan mempersembahkan pelbagai jenis juadah dan minuman yang diperbuat daripada beras seperti *ai tuak*, *penganan*, *asi pulut* dan *tumpi* untuk disajikan kepada tetamu dan roh ghaib yang datang berkunjung.

Selain itu, tarian *ngajat* dipersembahkan sebelum melakukan upacara ritual yang penting seperti *Upacara Miring* (upacara memberi persembahan makanan). Menurut Richard Mauh, sebelum memulakan upacara *miring*, tarian *Ngajat Ngalu Petara* akan dipersembahkan terlebih dahulu untuk menyambut kedatangan *petara* (tuhan) yang dianggap pelindung ke dalam upacara *Gawai*. Oleh itu, semasa melakukan *Upacara Miring*, masyarakat Iban diingatkan untuk menjaga kelakuan dan bersikap sopan kerana mereka percaya *Petara* dan dewa-dewi dari *Panggau Libau*. Menurut informan Robert Menua Saleh, upacara ritual *miring* masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga kini terutama bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan *pengarap lama* seperti di Kapit, Pakan, Betong dan Saratok. Semasa upacara *miring* dijalankan, anak-anak kecil dan orang yang lemah semangat haruslah menjauhkan diri agar tidak *alah bulu* (bencana) disebabkan oleh kehadiran *Urang Panggau* yang merupakan figura sakral dalam kepercayaan Iban.

**Gambar 2:** Upacara Miring di Rantau Kembayau Manis Lubok Antu



### ***Nyambut Temuai***

Menurut informan Beol Dingin, *temuai* atau tetamu merupakan individu yang paling dihormati apabila berkunjung ke rumah panjang Iban. Dahulu, sudah menjadi kelaziman tradisi kunjung mengunjung atau *Ngabang* di antara rumah panjang lain dengan yang lainnya. Semangat muhibah tersebut masih diamalkan sehingga kini dalam tradisi berkunjung di rumah panjang di Sarawak. Selalunya, tradisi kunjung mengunjung ini dapat dikategorikan kepada dua perkara iaitu tradisi mengunjung apabila adanya pesta seperti *melah pinang* (perkahwinan) dan *bergawai* (berpesta) manakala tradisi mengunjung seterusnya adalah ketika berlakunya *Rabat* (kematian) dan *Sakit Raya* (sakit tenat). Contohnya, apabila berlangsungnya *Melah Pinang* (perkahwinan) maka tetamu dari dari rombongan lelaki selalunya akan disambut di kepala tangga oleh *Tuai Rumah* dan ibubapa pengantin perempuan untuk menyambut temuai (tetamu) dengan *Upacara Miring* sebelum memasuki rumah panjang. Setiap tetamu yang hadir akan disambut dengan *ai tuak* (air tapai beras) sebagai simbolik penyambutan. Kemudian, *temuai* (tetamu) akan dipersembahkan dengan *Ajat Ngalu Temuai* oleh penari lelaki dan penari perempuan sambil berjalan *niti ruai* (berjalan ke seluruh rumah panjang). Tujuannya adalah untuk bertegur sapa dengan seluruh penduduk rumah panjang di samping memperkenalkan asal usul *temuai* (tetamu) dari mana dan tujuan kedatangan mereka ke rumah panjang.

### ***Taboo dan pantang larang dalam Ngajat Iban***

Menurut informan Jimbun Tawai *bungai ajat* (gerak tari) yang dipersembahkan oleh masyarakat Iban sesetengahnya adalah bersifat sakral. Selalunya, pola tari tersebut telah diperoleh melalui mimpi si pengajar. Masyarakat Iban percaya bahawa *Petara* dan *Urang Panggau* sering berkomunikasi dengan mereka melalui mimpi untuk menyampaikan pesan dan amaran. Menurut informan Roslind Ginjah Randi, *bungai ajat* hanya boleh dipelajari kepada orang lain apabila mendapat mimpi dari *Urang Panggau*. Yakini bahawa, setiap pakar *ajat* mempunyai penjaga yang akan memberitakan mengenai perkara baik mahupun perkara buruk yang akan berlaku dalam kehidupan mereka melalui mimpi. Kebiasaanya Urang Panggau yang hadir dalam mimpi akan memberitahu *bunga ajat* yang baharu beserta dengan berapa *piring* yang akan digunakan sebagai *genselan* (bayaran) untuk memurnikan *Bungai Ajat* tersebut. Selalunya, *Piring Iban* yang akan disediakan adalah terdiri daripada nombor ganjil iaitu *Piring tujuh*, *piring lima*, *piring tiga* dan *piring basa* (piring hormat), namun dalam mempelajari pola tari ngajat yang baharu masyarakat Iban akan menggunakan *piring lima*, *piring tiga* dan *piring basa* untuk memohon keberkatan daripada *Petara* (tuhan). Tujuan penyediaan *piring* adalah memberi penghormatan dan menguatkan semangat (roh) *pakar ajat* agar tidak *alah bulu* (terkena bencana dari roh). Selesai upacara *miring*, *pakar ajat* perlu *mengigit besi* untuk mengelakkan *pakar ajat* tersebut lemah semangat atau disebut *alah ayu*. Selain itu, mereka juga akan memberi pengeras kepada bakal anak murid mereka yang disebut sebagai *genselan*. Genselan tersebut merupakan barangan khas yang diberikan sebelum mereka mengajar gerak tari tersebut kepada orang lain iaitu seperti buah pisang dan barang tertentu. Namun begitu barang tersebut tidak terus diberikan kepada anak muridnya tetapi disimpan oleh *tukang ajar* selama tiga hari. Selepas tiga hari barulah barang tersebut akan diberikan kepada mereka yang ingin menuntut ilmu *ngajat*.

Menurut informan Molly Isik, dahulu *tarian ngajat* tidak boleh dipersembahkan secara sesuka hati jika tidak mengeluarkan *piring* (upacara persembahan makanan). Masyarakat Iban mengetengahkan tarian *Ngajat Iban* sebagai simbol kemasyuran (*ngindang kenyalang*) dan jika seseorang itu bukan wanita yang serba boleh atau *indu ngebat*, mereka tidak layak untuk mempersembahkan tarian *ngajat* ini kepada orang ramai. Begitu juga dengan lelaki Iban, hanya Bujang Berani yang pernah memenggal kepala musuh sahaja layak untuk memulakan tarian *Ngajat* semasa bermulanya sesebuah upacara. Selepas itu, barulah masyarakat Iban yang lain boleh bersuka ria dalam mempersembahkan kemahiran yang ada pada diri sendiri untuk mempamerkan bakat *Ngajat* kepada orang ramai. Menurut Informan Gabi Uri, dalam mempelajari *Ngajat Iban* terutamanya bagi pemula yang ingin mempelajari tarian ini secara mendalam pergerakan jari mereka tidak boleh melepasi paras dada dan bahu serta tidak boleh tinggi dari atas kepala. Mereka tidak boleh melangkaui atau melebihi pergerakan yang telah dikuasai oleh pengajar yang sudah tinggi ilmunya. Selain itu, pakar *ngajat* tidak seharusnya mengajar atau menurunkan ilmunya kepada orang lain sekiranya mereka belum menguasai kesemua jenis *Ngajat* dalam budaya Iban.

Menurut informan Richard Mauh dahulu, dalam mempersembahkan tarian *Ngajat Iban*, terdapat beberapa *tabbo* dan pantang larang dalam melaksanakan seni persembahan tersebut. Tarian *ngajat* yang dipersembahkan adalah mengikut keperluan sesebuah gawai atau ritual yang dijalankan. Pada zaman dahulu, dalam mempersembahkan tarian *ngajat* penari perlulah memperhatikan seni binaan sesebuah rumah panjang tersebut. Tempat yang dihaskan untuk mempersembahkan tarian *Ngajat Iban* tersebut haruslah memiliki tiang, *kasau*, dan *rabung* (atap rumah). Jika semua ini lengkap barulah sebuah *tarian ngajat* itu dianggap berkat dan diterima oleh *Urang Panggau* (orang kayangan). Justeru itu, persembahan tarian *ngajat* memerlukan kemahiran yang tinggi dan teliti dalam memastikan si penari tidak melakukan persembahan yang salah. Masyarakat Iban yang mampu menguasai tarian *ngajat* akan disebut-sebut sebagai orang yang *jelai rita* (terkenal) kerana mempunyai kemahiran yang baik dalam mempersembahkan *Ngajat Iban*.

## PERBINCANGAN PENYELIDIKAN

Sebagaimana dengan budaya tradisional lain, *Ngajat Iban* turut mengalami kemundurannya dalam budaya Iban. terdapat beberapa faktor dominan yang menjadi agen kepada perubahan budaya sesebuah masyarakat. Faktor yang paling dominan dapat dikenalpasti adalah tuntutan agama baharu. Majoriti masyarakat Iban kini telah memeluk agama Kristian dan agama Islam sebagai pegangan hidup mereka. Secara tidak langsung, segala amalan yang berkait rapat dengan kepercayaan nenek moyang semakin memudar dan terpinggir dari amalan hidup mereka kerana dilihat bertentangan dengan kefahaman agama baharu yang telah mereka anuti. Selain itu, faktor migrasi masyarakat Iban dari rumah panjang ke bandar telah menyebabkan mereka tidak memahami makna sebenar *Ngajat* dalam kebudayaan Iban. Selalunya, apabila di rumah panjang akan ada *Tuai Rumah* (ketua Kampung) dan *Lemambang* (pendeta) yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan untuk mendalami dan memahami makna adat budaya masyarakat Iban, namun berlainan dengan kehidupan di bandar yang mana mengharuskan masyarakat Iban untuk memahami konteks budaya Iban berdasarkan kepada pemahaman yang ingin mereka ikuti. Secara tidak langsung, konsep kefahaman mengenai adat budaya Iban akan jauh untuk terus dicapai. Faktor yang terakhir adalah pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia selama beberapa dekad yang lalu telah memberi peluang kepada generasi muda masyarakat Iban untuk belajar menerokai pelbagai cabang ilmu seperti politik, ekonomi dan sosial. Secara tidak langsung, sistem pendidikan tersebut telah mengubah gaya hidup dan amalan tradisional masyarakat Iban seperti menenun *Pua*, menganyam, dan mempelajari seni tari *Ngajat*.

**Foto 3:** Sesi latihan tarian *Ngajat* yang di jalankan di rumah Panjang



Atas kesedaran dalam memelihara dan memulihara budaya *Ngajat Iban* tidak pupus ditelan zaman, sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan iaitu Akademi Ranyai Gemilang telah ditubuhkan sebagai organisasi yang giat menjalankan aktiviti *ngajat Iban* dan mengekalkan gerak tari yang asli seperti yang digambarkan dalam foto 3. Usaha ini merupakan inisiatif pihak akademi dalam memastikan gerak tari yang asli dapat dibawa ke masa hadapan tanpa ada perubahan dalam gerak tari pada masa kini. Akademi tersebut turut mendapat sokongan penuh daripada Pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak (JKKNS) dengan memberikan penglibatan tenaga pengajar di Akademi Ranyai Gemilang menyertai bengkel dan seminar anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) cawangan Sarawak pada tahun 2016. Usaha ini dilakukan untuk memastikan agar para pekerja yang bekerja di akademi ini dapat melakukan tugas dengan cekap dan inovatif selaras dengan objektif dan matlamat utama akademi. Selain itu, Promosi mengenai tarian *ngajat Iban* ini giat dijalankan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa amalan tradisi perlu diteruskan kerana ianya merupakan amalan tradisi nenek moyang kita. Usaha pihak akademi mengadakan promosi merupakan satu usaha untuk memperkenalkan kepada masyarakat umum dalam melestarikan *Ngajat Iban* sebagai warisan tidak ketara masyarakat Iban di Sarawak.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, tarian tradisi merupakan amalan budaya yang perlu diteruskan agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Dengan cara ini, golongan muda akan dapat mengetahui mengenai amalan budaya nenek moyang mereka dan tidak ketinggalan. Selain dapat diketengahkan kepada orang ramai, usaha yang berterusan amat perlu dilakukan agar amalan budaya ini dapat diteruskan. Walaupun banyak kekangan yang dihadapi namun cara penyelesaian yang baik perlu dicari untuk memastikan perkara tersebut dapat diatasi. Oleh itu, badan-badan budaya Dayak seperti *Tun Jugah Foundation* dan *Dayak Chair Foundation* harus lebih giat dalam memperkasakan *Ngajat Iban* ini ke peringkat yang lebih tinggi agar kelestarian daripada segi kearifan tempatan, estetika seni dan sejarahnya dapat terus dipelihara.



**Foto 4:** Mendiang Oliva bersama informan (Olivia Seer, 2017)

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah merupakan sebuah penghargaan khas kepada mendiang Olivia anak Seer atas kerja keras, semangat kecintaannya terhadap budaya Iban dan dedikasi beliau semasa hayatnya dalam menyiapkan disertasi Sarjana Pengurusan Seni iaitu “Pengurusan Simbolisme dalam Tarian Traditional Iban di Sarawak” dalam Program Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Segala data dan foto yang terdapat dalam kertas kerja (kecuali foto 1 & 2) adalah merupakan hasil kerja lapangan yang dikumpulkan oleh beliau semasa tahun 2017 dan telah diedit oleh editor berdasarkan kepada kesesuaian topik dan garis panduan penerbitan.

## RUJUKAN

- Armbruster, K., & Wallace, K. R. (Eds.). (2001). *Beyond nature writing: expanding the boundaries of ecocriticism*. University of Virginia Press.
- Appell, G. N. (2001). Iban Studies: their contribution to social theory and the ethnography of other Borneo societies. *The encyclopedia of Iban Studies: Iban history, society and culture*, 741-785.
- Beginda, P., & Bala, B. (2018). Pengaruh Demografi terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak. *SUSURGALUR*, 6(1).
- Chemaline Usop. (2006). *Leka Main: Puisi Rakyat Iban: Satu Analisis Bentuk & Fungsi* (Doctoral Dissertation, Universiti Sains Malaysia). Dicapai dari: [http://eprints.usm.my/9122/1/LEKA\\_MAIN\\_PUISI\\_RAKYAT\\_IBAN\\_-\\_SATU\\_ANALISIS.pdf](http://eprints.usm.my/9122/1/LEKA_MAIN_PUISI_RAKYAT_IBAN_-_SATU_ANALISIS.pdf)
- Corsane, G. (2005). Issues in heritage, museums and galleries. *Heritage, museums and galleries: an introductory reader*, 1-4.
- Dewi, R. S. (2012). *Keanekaragaman Seni Tari Nusantara*. PT Balai Pustaka (Persero).
- Durin, A. (2002). *Tikar bemban dalam seni dan budaya masyarakat Iban di Sarawak* (Doctoral dissertation, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2001/2002.).
- Hanson, W. E., Creswell, J. W., Clark, V. L. P., Petska, K. S., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research designs in counseling psychology. *Journal of counseling psychology*, 52(2), 224.
- Hidajat, Robby. (2005). *Wawasan Seni Tari*. Malang: Jurusan Seni dan Desain Fakultas Sastra Universitas Negeri Malang.
- Henry Gana Ngadi. (2001). *Upacara Peralihan Taraf Orang Iban dan Beberapa Ritual Yang Berkaitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawol, E., Mersat, N. I., Salleh, M. S., Sanggin, S. E., Sarok, A., Kiong, W. S., & Jamain, M. A. H. B. (2018). Indigenous Knowledge among Iban Kua'in Samarahan District, Sarawak: Some Observations. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(14), 117-126.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012.
- Jelani, J. P., & Muhammad, S. J. N. (2018). The Influence of Animism on the Customs and Culture of the Iban Community. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*, 8(8).
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Penelitian Koleksi Aksesori Perak Ngepan Indu “Biah Anak Anji” Dalam Konteks Budaya Benda Masyarakat Iban. *Asian People Journal (Apj)*, 3(2), 169-180.
- Kiyai @ Keai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka: Cultural Artefacts of The Iban: Heritage and Heirloom. *Jurnal Kinabalu*, 59. Retrieved from <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2261>
- Kiyai, G. (2019). Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian awal. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 7, 120-125.
- Klinsing, J., & Usop, C. (2020). The Iban's Community perceptions of Pua Sungkit Weaving at Batang Ai. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 21-43.
- Liam, B., & Osup, C. (2020). Unsur Simbolisme Dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 55-69.
- Linggi, Margaret. (2001). *Ties That Bind: Ikat Weaving*. Kuching, Sarawak: The Tun Jugah Foundation.
- Liman, J. E., Saga, B. A., Tugang, N., & Anggo, F. (2019). Tradisi Lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak: Satu Penelitian Awal. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(3), 30-35.
- Meliki, R. L., & Lovadi, I. (2013). Etnobotani tumbuhan obat oleh Suku Dayak Iban Desa Tanjung Sari Kecamatan Ketungau Tengah Kabupaten Sintang. *Protobiont*, 2(3).

- Mainardes, E. W., Alves, H., & Raposo, M. (2010). An exploratory research on the stakeholders of a university. *Journal of Management and Strategy*, 1(1), 76.
- Mansyur, M. (2016). Kesenian Musik dan Tari Tradisional Suku Dyak Manunggal. *Pelataran Seni*, 1(2), 81-100.
- Mustafa, S., & Saleh, Y. (2017). An Overview on Intangible Cultural Heritage in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 1053-1058.
- Nasuruddin, M. G. (2005). *Syed Alwi, seniman negara*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Osup, C. A., & Anak Luna, P. (2011). *Morfologi Jaku Iban: malin nemiak enggau pengajar*. Emeritus Pub.
- Rahman, M. K. A. (2010). *Isu-Isu dalam Seni Kontemporari Malaysia* (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Soda, R. (2001). Rural-urban migration of the Iban of Sarawak and changes in long-house communities. *Geographical review of Japan, Series B.*, 74(1), 92-112.
- Sandi, N. V. (2018). Pembelajaran Seni Tari Tradisional di Sekolah Dasar. *DIALEKTIKA Jurnal Pemikiran dan Penelitian Pendidikan Dasar*, 8(2), 147-161.
- Schechner, R. (2002). *Teaching performance studies*. SIU Press.
- Simonson, T. S., Xing, J., Barrett, R., Jerah, E., Loa, P., Zhang, Y., & Mowry, B. (2011). Ancestry of the Iban is predominantly Southeast Asian: genetic evidence from autosomal, mitochondrial, and Y chromosomes. *PloS one*, 6(1), e16338.
- Tugang, N. (2014). *Pua: identiti dan budaya masyarakat Iban*. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Wahed, W. J. E., & Pital, P. P. (2018). *Ngepan Indu Iban: The Aesthetic Features of Female Iban Costume in Sarawak*. In 2nd Asia International Conference of Arts & Design, Langkawi, Malaysia.
- Violeta, V. M., Fretisari, I., & Ismunandar, I. (2017). Struktur Penyajian Tari Ngajat Lesungpada Gawai Batu Dayak Iban Kabupaten Bengkayang. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 7(12).